

JALIN KERJASAMA DALAM PELBAGAI BIDANG TERAS

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mewakili UNISSA ketika menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Management and Science University (MSU), Malaysia secara 'Desk to Desk' (Meja ke Meja).

Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Management and Science University (MSU), Malaysia, iaitu salah sebuah universiti terbaik di dunia yang berada di tahap 601 - 650 mengikut Quacquarelli Symonds World University Rankings (QS-WUR) 2022 dan di dalam senarai 22 buah universiti terbaik di Malaysia.

Berikutan dengan situasi pandemik COVID-19,

penandatanganan MoU hanya dapat dilangsungkan secara 'Desk to Desk' (Meja ke Meja) di antara kedua belah pihak.

Mewakili UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan mewakili MSU, Presiden MSU, Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd. Shukri Ab. Yajid.

Memorandum Persefahaman ini merupakan satu inisiatif kolaboratif yang membuka ruang baharu kepada UNISSA untuk merealisasikan visinya menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

Melalui MoU ini, kedua-dua buah universiti tersebut berhasrat untuk menjalinkan kerjasama dan kolaborasi dalam pelbagai bidang teras, iaitu penyelidikan, pengajaran dan pembangunan staf serta pelajar.

Salah sebuah fakulti dari UNISSA yang akan mengambil inisiatif awal untuk mengadakan jalinan usaha sama tersebut ialah Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) bersama Faculty of Business and Professional Studies (FBPS), MSU.

Dekan FEKIm, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani bersama seluruh tenaga akademik fakulti melahirkan iltizam untuk menyusun dan menjalankan beberapa program kerjasama dalam bidang berkepentingan, iaitu ekonomi, kewangan Islam dan pengurusan

dengan FBPM MSU dalam masa terdekat, antaranya ialah pengembangan juga pengukuhan program pengajian sedia ada, pertukaran pelajar di peringkat prasiswazah, kolaborasi penyelidikan dan penerbitan

di antara tenaga akademik dan pelajar di peringkat siswazah, penganjuran bersama seminar, persidangan, bengkel, latihan, penempatan pelajar untuk latihan industri juga sebagainya.

GADONG, Selasa, 22 Jun. - Dalam mengorak langkah untuk memperluaskan lagi hubungan dan kolaborasi bersama institusi pengajian tinggi luar negara, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menandatangani

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus mengorak langkah dalam memperluaskan lagi hubungan, kolaborasi bersama dengan institusi pengajian tinggi luar negara.

SATU Memorandum Persefahaman (MoU) UNISSA telah dibuat bersama dengan Management and Science University (MSU), Malaysia, iaitu salah sebuah universiti terbaik di dunia.

MOU ini merupakan satu inisiatif kolaboratif yang membuka ruang baharu kepada UNISSA untuk merealisasikan visinya menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik.

Perubahan waktu operasi bagi Pusat Vaksinasi

PUSAT VAKSINASI DAERAH BRUNEI MUARA	
Daerah Brunei Muara	WAKTU OPERASI
Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah	Isnin - Khamis, Sabtu & Ahad 8.15 pagi hingga 11.30 pagi 1.45 petang hingga 3.30 petang (tutup pada hari Jumaat dan hari kelepasan awam)

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Jun. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perubahan waktu operasi bagi Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Daerah Brunei dan Muara yang akan bermula pada Ahad, 27 Jun 2021.

Waktu operasi berkenaan adalah pada Isnin hingga Khamis, Sabtu dan Ahad, bermula jam 8.15 pagi hingga 11.30 pagi; dan 1.45 petang hingga 3.30 petang juga tutup pada Jumaat dan Hari Kelepasan Awam.

Bagi maklumat lanjut, layari www.moh.gov.bn atau ikuti sosial media rasmi Kementerian Kesihatan di [@mohbrunei](https://www.instagram.com/mohbrunei) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 semasa waktu pejabat.

COVID-19 : 1 kes import baharu dicatatkan

>> Muka 1

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, lapan kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemua kes yang sedang dirawat di pusat berkenaan adalah dalam keadaan yang baik dan alhamdulillah, satu kes juga disahkan sembuh menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 245 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 795 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 20,312 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 342 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 137,767 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

BAGAIMANA SAYA MENGETAHUI JIKA SAYA BOLEH MENEMPAH SLOT SUNTIKAN VAKSIN COVID-19?

Selepas awda tekan "Confirm" setelah memasuki halaman COVID-19 Vaccination, awda akan melihat senarai ahli yang terdapat di dalam Aplikasi BruHealth awda.

Sekiranya terdapat "1st Dose - Not Booked", ini bermakna ahli tersebut telah mengesahkan akaunnya dan mempunyai nombor Bru-HIMS (BN) yang sah. Ahli ini boleh meneruskan untuk menempah slot sekiranya mereka layak (dalam salah satu fasa yang sedang dilaksanakan).

Sekiranya ahli belum disahkan atau tidak mempunyai nombor Bru-HIMS (BN) yang sah, mereka tidak akan dapat meneruskan tempahan. Mereka hanya akan dapat melihat "1st Dose" tanpa "Not Booked" Sila sahkan dan masukkan BN mereka di Halaman Maklumat Ahli.

Ahli yang berwarna "Kelabu" tidak dapat menerima vaksin COVID-19.

MAKLUMAN mengenai status kelayakan individu jika mereka ingin membuat tempahan slot suntikan vaksin COVID-19 melalui aplikasi BruHealth. Sila pastikan akaun di dalam aplikasi BruHealth awda disahkan terlebih dahulu sebelum membuat tempahan. Jika awda ingin bantuan bagaimana untuk membuat pengesahan, sila hubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa atau Talian Nasihat Kesihatan 148 semasa waktu pejabat. Ikuti [@mohbrunei](https://www.instagram.com/mohbrunei) di Instagram dan Facebook.

